

SULIT
1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
2015
2 ¼ jam



SMK SUNGAI MANIK
36000 TELUK INTAN, PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2015

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
 2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu soalan Bahagian B.***
 3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
 4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Disediakan oleh,

Disemak dan disahkan oleh,

.....
(ROOSEZAH BT SABRI)

Bahagian A

[30 markah]


[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **nilai-nilai murni yang perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

NILAI-NILAI MURNI



Hormat-menghormati



Kebersihan fizikal dan mental



Kerajinan



Patriotisme

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Masyarakat Malaysia khususnya yang tinggal di bandar-bandar besar semakin mengabaikan semangat kejiranan yang telah diamalkan sejak turun-temurun dan tidak mengetahui bahawa semangat kejiranan ini amat penting.

Berikan pendapat anda tentang kepentingan mengamalkan semangat kejiranan.

2. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk menggalakkan anak-anak mementingkan keindahan dan kebersihan alam sekitar.

Bincangkan peranan ibu bapa dalam memupuk sikap mencintai alam sekitar dalam kalangan anak-anak.

3. Semangat patriotik perlu ada dalam diri generasi pada hari ini kerana mereka bakal menjadi pemimpin negara pada masa hadapan. Anda ingin menulis sebuah rencana bertajuk 'Langkah-langkah Memupuk Semangat Patriotik' untuk disiarkan dalam majalah sekolah anda.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

4. Kegiatan jenayah yang membabitkan pemerdagangan manusia kini menjadi isu sejagat.

Bincangkan kerjasama antara Malaysia dengan negara serantau untuk menangani masalah tersebut.

5. Kini, karya kreatif seperti cerpen dan novel oleh penulis-penulis semakin berkurangan.

Jelaskan peranan pelbagai pihak untuk menggalakkan remaja melibatkan diri dalam penulisan kreatif.

KERTAS SOALAN TAMAT